


Tingkat 2, Blok A,
Wisma-Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang, Malaysia.



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG
STATE SECRETARY OF PAHANG

• Telefon : 09-5162253
09-5126601
• Fax : 09-5156106

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : **SUKPHG-1.100-1/3/1 (27)**

SURAT PEKELILING YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
BILANGAN 3 TAHUN 2021

MAKLUMAN PROSEDUR OPERASI STANDARD PENENTUAN
NAMA GEOGRAFI NEGERI PAHANG

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bagi menjadi panduan kepada pihak berkuasa penamaan semasa menamakan atau mengubah nama sesuatu nama geografi (tempat awam, bangunan, jalan, penempatan dll.) di dalam Negeri Pahang. Penamaan baharu atau perubahan nama geografi perlulah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri sepertimana yang telah ditentukan oleh undang-undang.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Nama Geografi ialah kata nama khas, istilah khusus atau ungkapan yang digunakan pada atau untuk mengenal satu-satu entiti geografi pada masa ini atau sebelumnya. Entiti geografi ialah mana-mana bahagian rupa bumi atau rupa laut yang secara relatifnya kekal, sama ada semula jadi atau buatan manusia, dan mempunyai identiti yang dapat dikenali dalam satu-satu konteks budaya tertentu. Maka Nama Geografi boleh merujuk kepada mana-mana tempat, rupa

alam atau kawasan di permukaan bumi ini, atau sekelompok tempat, rupa alam atau kawasan yang serupa dan berkaitan.

Sumber : Garis Panduan Penentuan Nama Geografi 2019, JUPEM

- 2.2 Nama aset negeri Pahang seperti jalan dan air terjun termasuk di dalam Nama Geografi. Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi Kebangsaan yang diurusetiaikan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah mengeluarkan Garis Panduan Penentuan Nama Geografi 2019.
- 2.3 Antara undang-undang yang digunapakai bagi menamakan sesuatu tempat pada masa ini adalah seperti berikut:-

2.3.1 **Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)**

Seksyen 11. Kawasan pentadbiran;

Pihak Berkuasa Negeri bolehlah melalui pemberitahuan dalam Warta –

- (a) membahagi kawasan Negeri kepada daerah-daerah;*
- (b) membahagi mana-mana daerah kepada daerah-daerah kecil;*
- (c) membahagi mana-mana daerah atau daerah kecil kepada mukim-mukim;*
- (ca) mengubah atau meminda sempadan mana-mana daerah kecil, mukim, bandar atau pekan;*
- (d) selepas pengukuran atau penentuannya oleh atau bagi pihak Pengarah Ukur.*

Seksyen 62. Kuasa perizaban tanah Kerajaan;

- (1) Pihak Berkuasa Negeri bolehlah dengan pemberitahuan dalam Warta merizabkan mana-mana tanah Kerajaan untuk apa-apa maksud awam.*
- (2) Apa-apa pemberitahuan yang diwartakan di bawah subseksyen (1) hendaklah:*
 - (a) memperihalkan tanah rizab itu;*

- (b) *memperihalkan maksud untuk apa tanah itu dirizabkan;*
- (c) *menamakan pegawai awam buat masa itu mempunyai kawalan ke atas tanah rizab itu;*
- (d) *merupakan keterangan konklusif bahawa tanah yang diperihalkan itu adalah dirizabkan untuk satu maksud awam.*

2.3.2 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)

Seksyen 7 Kuasa untuk mewujudkan hutan simpanan kekal

(1) Pihak Berkuasa Negeri boleh menjadikan mana-mana tanah sebagai suatu hutan simpanan kekal dengan menyiarkan dalam Warta suatu pemberitahuan:-

- (a) menentukan kedudukan dan keluasan tanah itu; dan*
- (b) mengisytiharkan bahawa tanah itu hendaklah menjadi suatu hutan simpanan kekal mulai dari tarikh yang ditetapkan melalui pemberitahuan itu.*

(2) Mulai dari tarikh yang ditetapkan itu, tanah tersebut hendaklah menjadi suatu hutan simpanan kekal.

2.3.3 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Seksyen 68 Menamakan tempat awam, dsb.;

Sesuai pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menetapkan nama dengan mana sesuatu tempat awam atau taman perumahan atau skim perumahan akan dikenali dan boleh dari semasa ke semasa mengubah nama sesuatu tempat awam atau taman perumahan atau skim perumahan atau mana-mana bahagiannya sama ada atau tidak nama itu telah digunakan bagi tempat, taman atau skim itu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini.

2.3.4 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, (Akta 133)


Seksyen 29 Nama jalan,;

- (1) Tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan boleh menetapkan nama dengan mana sesuatu jalan hendak dikenali dan boleh mengubah nama mana-mana jalan atau mana-mana bahagian daripada suatu jalan.*
- (2) Pihak berkuasa tempatan boleh mengarahkan supaya nama mana-mana jalan dicat, atau dengan cara lain ditandakan, di sesuatu tempat yang mudah dilihat, pada sesuatu rumah, bangunan atau binaan pada atau dekat dengan jalan itu dan dari semasa ke semasa mengubah atau membaharui tulisan nama mana-mana jalan, jika nama jalan itu diubah atau tulisan itu menjadi tidak boleh dibaca.*
- (3) Mana-mana orang yang membinasakan, meruntuhkan, mencacatkan, menutup atau menyembunyikan mana-mana tulisan nama sesuatu jalan yang telah dipasang dengan sah di sisi undang-undang, atau memasang di mana-mana jalan apa-apa nama lain yang berlainan daripada nama yang telah diberi dengan sah di sisi undang-undang kepada jalan itu boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.*

3. ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Cadangan pewujudan prosedur ini adalah bagi memastikan setiap penamaan entiti geografi di negeri Pahang dapat diselaraskan dan terkawal serta diwartakan seterusnya dimaklumkan kepada urusetia Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi.
- 3.2 Prosedur ini akan menjadi panduan kepada pihak yang membuat cadangan nama terdiri daripada:-
 - a. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
 - b. Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
 - c. Pejabat Daerah dan Tanah;
 - d. Syarikat Pemaju; dan
 - e. Individu atau organisasi.

Rajah 1 : Carta Alir Proses Penentuan Nama Geografi Negeri Pahang



Nota :

- i. Cadangan penamaan di bawah bidang kuasa pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dimajukan oleh PBT
- ii. Cadangan penamaan di luar bidang kuasa pentadbiran PBT dimajukan oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)
- iii. Cadangan penamaan diproses PBT/ PDT terlebih dahulu sebelum dimajukan kepada Urusetia JTNGN (BPEN)

4. PENYERAGAMAN PROSES PENENTUAN NAMA GEOGRAFI DALAM NEGERI

4.1 Kaedah Membuat Cadangan Penamaan Baharu atau Perubahan Nama

4.1.1 Pihak yang membuat cadangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) terdiri daripada :-

- a. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
- b. Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- c. Pejabat Daerah dan Tanah;
- d. Syarikat Pemaju; dan
- e. Individu atau organisasi.

4.2 Prosedur membuat cadangan

4.2.1 Cadangan mestilah dikemukakan kepada PBT yang mempunyai bidang kuasa terhadap kawasan tempat entiti geografi itu berada atau kepada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) jika entiti geografi berkenaan terletak di luar kawasan pentadbiran PBT, secara bertulis bersama-sama maklumat berikut:

- a. Nama penuh yang dicadangkan untuk entiti geografi.
- b. Lokasi mengikut koordinatnya, dengan menyatakan peta yang dirujuk.
- c. Penerangan yang jelas tentang entiti geografi yang hendak dinamakan atau yang hendak dinamakan semula dengan menyatakan dengan tepat batas lingkungannya.
- d. Foto, lakaran atau pelan.
- e. Sebab penamaan atau perubahan nama itu dicadangkan.
- f. Asal usul atau makna nama yang dicadangkan atau nama yang diubah.

- g. Bagi entiti geografi yang belum bernama, asas pengetahuan mengapa entiti geografi tersebut belum bernama perlu dinyatakan.
- h. Nama, alamat dan nombor telefon pemastautin lama di kawasan tersebut yang dapat mengesahkan penggunaan tempatan.

4.2.2 Jika nama yang dicadangkan itu bersempena dengan nama seseorang (lebih daripada seorang), maklumat tambahan seperti yang berikut diperlukan:

- a. Nama penuh setiap orang.
- b. Tarikh lahir dan tarikh kematian setiap orang, jika diketahui.
- c. Sejarah hidup yang ringkas tentang orang yang diberikan penghormatan itu dengan menjelaskan hubungannya dengan entiti geografi tersebut.

4.2.3 Penilaian cadangan akan bertambah cepat jika pencadang menyertakan sebarang bukti yang menunjukkan sokongan tempatan bagi nama yang dicadangkan. Bukti tersebut bolehlah dikemukakan dalam bentuk:

- a. Surat daripada Pihak Berkuasa Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan etnik atau Pihak Berkuasa Tempatan.
- b. Petisyen bagi nama tersebut yang ditandatangani oleh penduduk tempatan.
- c. Keratan akhbar tentang rencana dan surat kepada editor yang menunjukkan kesedaran orang awam dan sokongan mereka akan nama yang dicadangkan.
- d. Penerbitan lain yang dapat menyokong permohonan.

4.3 Memproses Cadangan

4.3.1 Pihak PBT atau PDT memproses cadangan supaya selaras prinsip utama penamaan di dalam Garis Panduan Penentuan Nama Geografi 2019 yang disediakan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) dengan mengutamakan kehendak tempatan.

4.3.2 Prosedur memproses cadangan:

- a. PBT atau PDT hendaklah merekodkan cadangan untuk penamaan baharu atau perubahan nama geografi yang diterima.
- b. PBT atau PDT hendaklah memeriksa dan mengesahkan maklumat sokongan yang diterima.
- c. PBT atau PDT perlu membuat penyelidikan lanjut termasuk merujuk kepada agensi kerajaan yang lain jika perlu (terutamanya Dewan Bahasa dan Pustaka).
- d. Menyediakan kertas ringkasan bagi setiap cadangan dan dikemukakan kepada BPEN untuk pertimbangan Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Negeri (JTNGN) atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

4.4 Perakuan Cadangan

4.4.1 Pihak Berkuasa Negeri mempertimbangkan cadangan bagi penamaan baru atau penukaran nama geografi yang selaras dengan garis panduan penentuan nama geografi.

4.4.2 Prosedur memperakukan cadangan:

- a. Urusetia JTNGN hendaklah merekodkan cadangan untuk penamaan baharu atau perubahan nama geografi yang diterima.
- b. Urusetia JTNGN menerima kertas ringkas daripada PBT/PDT dan dikemaskini sebelum dimajukan kepada YB. Setiausaha Kerajaan Negeri untuk pertimbangan sebelum diangkat untuk kelulusan MMKN
- c. Urusetia JTNGN memaklumkan keputusan MMKN kepada PBT atau PDT yang berkenaan.
- d. PBT atau PDT hendaklah memaklumkan keputusan MMKN kepada pencadang terhadap cadangan yang dikemukakan
- e. Sekiranya cadangan tidak diperakukan oleh MMKN, pihak pencadang boleh mengambil tindakan yang berikut:

- i. Membuat pindaan dan memajukannya semula; atau
- ii. Membuat cadangan yang baharu.

4.5 Kelulusan dan Tindakan Lanjut

4.5.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri setelah menimbangkan cadangan tersebut bolehlah sama ada bersetuju atau tidak bersetuju terhadap cadangan penamaan baharu atau perubahan nama geografi berdasarkan kertas MMK yang disediakan oleh Urusetia Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Negeri (BPEN)

4.5.2 Tindakan lanjut selepas kelulusan


- i. Pewartaan Proses pewartaan hendaklah diuruskan oleh Urusetia JTNGN.
- ii. Makluman kepada Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) dengan memajukan salinan warta bersama maklumat kepada Urusetia JKNG.
- iii. Urusetia JKNG hendaklah mengambil tindakan untuk mengemaskinikan pangkalan data nama geografi dan gazetir kebangsaan.

5. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 Februari 2021

6. HAL-HAL LAIN

Sebarang kemusykilan atau pertanyaan berhubung dengan pelaksanaan arahan ni hendaklah dirujuk kepada Unit Makro, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Tingkat 3, Blok B, Wisma Sri Pahang, 25503 Kuantan, Pahang Darul Makmur.



.....

(DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK, SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.)